

26 APR 2004

Wanita Malaysia-AIDS

MALAYSIA BERI TUMPUAN KEPADA WANITA DALAM USAHA MEMERANGI AIDS

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 26 April (Bernama) -- Walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia memberi sokongan padu terhadap kempen memerangi HIV, tetapi agensi

kerajaan lain agak lembap dalam menerima hakikat bahawa AIDS bukan sekadar

masalah perubatan, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia Datuk Marina Mahathir, hari ini.

Marina yang turut membentangkan kertas kerja pada Persidangan Dunia

Mengenai Penggalakan Kesihatan dan Pendidikan Kesihatan yang bermula di

sini, berkata pemberian hak dan pendidikan kepada wanita serta menawarkan

kepada mereka pilihan dalam menjalani kehidupan merupakan antara kaedah

yang digunakan oleh Malaysia untuk memerangi penyakit AIDS.

Marina berkata pengetahuan tentang risiko yang mempunyai kaitan dengan

penyakit itu sahaja tidak memadai untuk mengubah tingkah laku wanita.

Wanita, terutama yang muda, menjadi tumpuan dalam usaha mengurangkan

kadar kes HIV positif di negara masing-masing, kata Marina.

Beliau berkata walaupun jumlah wanita tidak sampai 1,000 daripada

57,000 kes yang dilaporkan, namun kadar jangkitan di kalangan mereka meningkat lebih pantas daripada lelaki.

"Banyak yang telah kami lakukan untuk memperjuangkan hak dan pilihan

bagi wanita selain mengadakan ceramah kesihatan kerana mereka menghadapi

masalah untuk mendapatkan maklumat yang realistik.

"Sejak sekian lama, wanita tidak tahu mereka terdedah kepada penyakit

itu. Kami cuba buka mata mereka kepada hakikat bahawa wanita amat terdedah

kepadanya kerana mereka hanya mengharapkan agar lelaki menggunakan kondom,"

katanya kepada akhbar Age di sini.

Walaupun kondom boleh didapati dengan mudah di Malaysia, tetapi ramai

yang enggan menggunakannya, kata beliau.

"Ada yang berpendapat penggunaannya tidak dibenarkan oleh Islam atau ia

tidak memberi keseronokan," katanya.

Kepercayaan bahawa penggunaan kondom tidak dibenarkan oleh agama

merupakan suatu anggapan semata-mata dan kami sedang berusaha  
memberi  
kefahaman kepada mereka bahawa ia tidak menyalahi ajaran agama, kata  
Marina.

-- BERNAMA

NDC SHE SP PR